

30 MAR 2001

Memorandum (Dengan gambar)

SUHAKAM TERIMA MEMORANDUM MENGENAI PERGADUHAN DI KG MEDAN

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) digesa supaya mengadakan siasatan awam berhubung pergaduhan di beberapa penempatan di Jalan Klang Lama dekat sini baru-baru ini.

Gesaan itu dibuat oleh Parti Reformasi Insan Malaysia (PRIM) dalam satu memorandum yang dikemukakan kepada Suhakam di sini hari ini.

Setiausaha agung sementara PRIM P.Uthayakumar berkata satu siasatan bebas harus diadakan segera untuk memastikan punca pergaduhan itu, yang beliau sifatkan sebagai satu tragedi.

Memorandum setebal 108 muka surat itu diserahkan oleh Uthayakumar kepada anggota Suhakam Tan Sri Anuar Zainal Abidin.

Beberapa mangsa pergaduhan itu dan sanak saudara mereka hadir untuk menyaksikan penyerahan memorandum itu kepada Suhakam.

Uthayakumar berkata PRIM telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berhubung perkara itu.

Anuar berkata beliau perlu merujuk kepada anggota Suhakam yang lain pada mesyuarat mereka pada 9 April sebelum memutuskan sama ada satu siasatan awam wajar diadakan.

Enam orang terbunuh dan 40 orang cedera dalam pergaduhan antara penduduk di Kampung Medan dan beberapa perkampungan berhampiran di Petaling Jaya awal bulan ini.

-- BERNAMA

MHI AHH AKD